

Undi rahsia Raja-Raja penentu Agong Ke-16

➔ Pemilihan hendaklah dibuat tak lewat empat minggu dari tarikh kekosongan jawatan

BH-7/1/19 (M/S 3)

Oleh Ismail Mat
bhnews@bh.com.my


➔ Kuala Lumpur

Susulan peletakan jawatan oleh Sultan Muhammad V peyang semalam, Majlis Raja-Raja dijangka bermesyuarat dalam tempoh terdekat bagi memilih dan melantik Yang di-Pertuan Agong yang Ke-16.

Laman sesawang rasmi Majlis Raja-Raja yang dikemas kini pada Jumaat lalu, menyenaraikan beberapa prosedur dalam menentukan pemilihan Yang di-Pertuan Agong baharu.

Baginda mesti dipilih oleh Majlis Raja-Raja mengikut kaedah dan cara yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.

Jika berlaku kekosongan jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, urusan pemilihan hendaklah dibuat tidak lewat daripada empat



Kertas undi memilih Yang di-Pertuan Agong yang dipaparkan Laman sesawang rasmi Majlis Raja-Raja.

Raja itu dan layak mengundi sebagai proksi.

Kebiasaannya, Raja yang paling kanan dari segi pemerintahan dipilih, tetapi peraturan itu tidak lagi diguna pakai selepas semua Raja dari negeri-negeri telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Pusingan ini berakhir selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kesembilan.

Selepas itu senarai baharu yang dikenali sebagai senarai

Prosedur lain adalah seperti berikut

● **Prosiding pemilihan**

Apabila Majlis Raja-Raja bersidang untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri tidak hadir walaupun mereka anggota Majlis. Pemilihan dibuat secara undi sulit dan kertas undi yang digunakan tidak bernombor serta ditandakan dengan pen dan dakwat yang sama. Kemudian dimasukkan dalam peti undi. Kertas undi dimusnahkan di hadapan

PROFIL YANG DI-PERTUAN AGONG KE-15, SULTAN MUHAMMAD V



- Sultan Muhammad V diputerakan pada 6 Oktober 1969 di Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail 1, Kota Bharu, menyambung pelajaran di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur.
- Dilantik sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada ulang tahun keputeraan baginda yang ke-16 pada 6 Oktober 1985.
- Minat yang mendalam terhadap ilmu dan pendidikan mendorong baginda berangkat ke England menyambung pelajaran di Oakham School Rutland hingga tahun 1989.
- Baginda melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Diplomatik di St Cross College, Oxford dan Pengajian Islam di Oxford Centre hingga 1991.
- Pada 24 Mei 2009, Baginda dilantik menjadi Pemangku Raja Kelantan.
- Pada 13 September 2010 menaiki takhta Kerajaan Negeri Kelantan dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V setelah dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan Ke-29.
- Pada 13 Disember 2011, dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Ke-14 oleh Majlis Raja-Raja.
- Pada 2016, Majlis Raja-Raja melantik baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, berkuat kuasa pada 13 Disember 2016.
- Sebagai Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), baginda akan berangkat mencemar duli ke setiap istiadat konvokesyen universiti berkenaan.
- Baginda membabitkan diri dalam pelbagai pertubuhan kebajikan dan sukan selain aktif berperanan dalam organisasi berkaitan keselamatan dan ketenteraan.
- Baginda meminati sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda dan ekuestrian selain meminati sukan memanah dan menembak dan gemar memelihara hidupan liar.
- Baginda berkenan menjadi Penaung kepada pelbagai persatuan dan kelab iaitu Persatuan Menembak Kelantan; Yayasan Sultan Kelantan (YSK); Majlis Orang-Orang Besar DiRaja Kelantan, Persatuan Perubatan Antipenuaan Aestetik Rejeneratif Malaysia [SAAARMM]; Persatuan Bulan Sabit Merah; Persatuan Sukan Berkuda; Persatuan Motor 4 x 4; Persatuan Memanah.
- Sultan Muhammad V dianugerahkan dengan pelbagai Darjah Kebesaran iaitu D.K. (1986), D.M.N. (2010), D.K. (Selangor - Januari 2011), D.K. (Negeri Sembilan - April 2011), D.K. (Johor - 2011), D.K. (Perak - Julai 2011), D.K. (Perlis - Oktober 2011), D.K. (Kedah - Mac 2012), D.K. (Terengganu - November 2014), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., dan D.K.M (2017).

minggu dari tarikh berlaku kekosongan jawatan itu.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pula akan menyembah syarat kepada setiap Raja bagi memohon perkenan sama ada baginda berhasrat dicalonkan untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun, Raja-Raja yang tidak berhasrat dipilih hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan negerinya akan diletakkan di tempat akhir sekali dalam senarai pencalonan pada masa itu.

Di bawah kategori kelayakan seorang Raja atau Sultan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, hanya Raja-Raja yang boleh dipilih selepas baginda memberi perkenan untuk dipilih, hanya Raja-Raja yang boleh mengundi dan jika seorang Raja tidak dapat berangkat dalam Majlis Pemilihan, seorang Raja lain hendaklah dilantik oleh

yang disusun semula dan digunakan pakai sekarang adalah berpandukan kepada kekananan negeri yang rajanya telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong (Yang di-Pertuan Agong Pertama hingga Kesembilan) mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan juga memperuntukkan seorang Raja layak dipilih kecuali belum dewasa atau telah memberitahu Penyimpan Mohor Besar Raja-raja bahawa baginda tidak berhasrat dipilih.

Majlis Raja-Raja buat ketetapan

Kelayakan juga hilang jika Majlis Raja-Raja mengambil ketetapan secara undi sulit bahawa Raja itu tidak sesuai untuk menjalankan fungsi-fungsi Yang di-Pertuan Agong disebabkan kelemahan akal atau tubuhnya atau kerana apa-apa sebab lain. Ketetapan ini memerlukan undian seorang-kurangnya lima orang Raja.

Raja-Raja sebaik saaja keputusan undian diumumkan. (Dibakar/dirincih)

Raja yang paling muda dari segi pemerintahan dan tidak tersenarai sebagai calon Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dipilih untuk mengira kertas undi bersama-sama dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja. Dalam Mesyuarat Pemilihan itu, hanya Raja-Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja yang terlibat dalam proses pemilihan.

● Proses Pemilihan

Ketika pemilihan, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja membekalkan satu kertas undi setiap Raja dan setiap Raja diminta menandakan pendapatnya, sama ada Raja yang paling kanan (satu nama sahaja) adalah sesuai/tidak sesuai dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Calon mestilah mendapat ma-

ajoriti lima undi sebelum Raja yang mempengerusikan Mesyuarat Pemilihan menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada baginda.

Jika Raja yang berjaya tidak menerima tawaran ataupun Raja itu gagal memperoleh undi majoriti maka proses pengundian semula akan dijalankan, iaitu dengan mencalonkan nama Raja yang kedua dalam senarai kekananan yang layak dipilih untuk diundi.

Proses hanya akan selesai selepas baginda menerima tawaran jawatan Yang di-Pertuan Agong. Selepas itu, Majlis akan mengisytiharkan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan memegang jawatan itu bagi tempoh lima tahun.

Pemilihan Timbalan Agong

Apabila tamat urusan pemilihan Yang di-Pertuan Agong, urusan pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pula disempurnakan me-

ngikut proses yang sama pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

Selepas tamat kedua-dua urusan pemilihan, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja akan menghantar surat mengesahkan keputusan pemilihan itu secara bertulis kepada Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Perdana Menteri.

Perdana Menteri akan mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai keputusan pemilihan jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong hanya boleh menjalankan fungsi rasmi selepas menandatangani sumpah jawatan dalam satu istiadat di hadapan Majlis Raja-Raja dan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan dengan ditandatangani saksi oleh dua orang Raja yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja sebagai saksi-saksi.